

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 7 APRIL 2015

SOALAN :

YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:

- a) tentang usaha yang diambil oleh Kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong dari Negara China untuk melawat Malaysia dan bagaimanakah dengan persaingan dengan negara-negara di rantau ini; dan
- b) adakah kedatangan pelancong yang tidak memerlukan visa boleh dijadikan satu tarikan besar untuk pelancong dari Negara China.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia sentiasa mempelbagaikan usaha-usaha promosi di negara China. Aktiviti-aktiviti galakan pelancongan utama yang dilaksanakan adalah seperti Misi Galakan, Pameran Pelancongan, Seminar, Pengiklanan dan Aktiviti Perhubungan Awam.

Di samping aktiviti-aktiviti tersebut, Tourism Malaysia turut melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

- i. Penggunaan saluran **media sosial** secara meluas dalam memasarkan Malaysia kepada pasaran China.
- ii. Meningkatkan jaringan kerjasama di bawah **program Mega Fam** dengan membawa wartawan dan media, *social influencer* seperti *bloggers*, agensi pelancongan serta krew perfileman.
- iii. Menggunapakai acara-acara penting bagi **promosi taktikal** di luar negara seperti *F1 Grand Prix*, Karnival Jualan Mega, *Sarawak Rainforest Music Festival*, *Colours of 1Malaysia*, *1Malaysia International Tourism Night Floral Parade "Magic of the Night"*, *Fabulous Food 1Malaysia* dan lain-lain.
- iv. **Memperkenalkan pakej** insentif istimewa yang memberi fokus kepada **percutian premium**.

- v. Meneruskan **kerjasama pintar** dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan dan badan-badan korporat.
- vi. Membawa masuk **penerbangan sewa khas “Charters”** melalui kerjasama dengan pengusaha pelancongan dan syarikat penerbangan seperti AirAsia X, MAS dan syarikat penerbangan lain di pasaran China, Taiwan dan Korea.
- vii. Bekerjasama dengan lain-lain NTOs (National Tourism Organisations) seperti Singapura, Thailand dan Indonesia bagi mempromosikan **pakej-pakej percutian gabungan dua destinasi** (*dual destination*) atau destinasi pelbagai (*multi destination*) untuk meningkatkan kapasiti kemudahsampaian (*connectivity*) dan bilangan pelancong asing ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kedatangan pelancong yang tidak memerlukan visa sememangnya boleh dijadikan satu tarikan besar untuk menarik lebih ramai pelancong dari negara China untuk melawat Malaysia memandangkan ia memudahkan kemasukan para pelancong dan para pelancong boleh memilih untuk melawat atau bercuti di Malaysia pada bila-bila masa mengikut sesuka hatinya tanpa perlu membuat perancangan lebih awal.. Oleh yang demikian kerajaan telah mengambil pendekatan dengan memberikan pengecualian yuran visa bagi pelancong dari negara Republik Rakyat China (RRC) yang mula digunapakai pada 15 Februari 2015 oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Sekian, terima kasih.